

Tips Temuduga Khidmat Pelanggan – Vol 1-3

Secara Jujur Interview dalam Bidang Customer Service atau Khidmat Pelanggan, memang bukan genre atau dalam pengalaman dan pengatahan saya.

So artikel ini, adalah hasil daripada pengetahuan yang saya baca baca daripada blog blog interview utama yang saya rumuskan kepada apa yang baik untuk anda beri focus.

*oh ya, persoalan ini diajukan oleh Cik Laila, lantas saya pun duk kalut lah siapkan artikel ni cepat cepat, sebab interview nya 29hb ni. Mari kita sama sama doakan kejayaan dia ya.

Hasil daripada pembacaan, soalan killer starting yang macam akan terhantuk punya kat kepala sapa sapa yang datang untuk temuduga Khidmat Pelanggan dari penemuduga kepada anda ialah “ apakah good customer services means to you”.

Ditanya nya pula kat kita kan..

Untuk jawap soalan ni, sememangnya korang kena prepare. Sebab ini akan menunjukkan kecerdikan dan persediaan korang kan. Dan ikutkan pada thebalancecareers, ada 4 faktor penting yang mesti anda tonjolkan bila menjawab soalan untuk khidmat pelanggan ni.

Yang Pertama – Product Awareness

Macam mana nak sembang kencang kalau tak tahu akan product company kan, apa yang department tempat anda apply nak buat. Kerja apa? Apa jenis product semua.. so pastikan anda tahu akan peranan tempat anda nak apply kerja ni. Biasanya, boleh dapat maklumat ni dekat website company dan juga job requirement iklan jawatan kosong yang company sediakan.

Kalau tak silap saya, untuk yang under kerajaan, siap anda

sinopsis ringkas akan peranan dan tanggungjawab apa yang anda kena lakukan. Lupa dah saya, tanya saya dekat komen, nanti saya akan cari semula.

Update!!

Dah JUMPA, rujuk link ini [SPA](#)

Yang Kedua – Attitude Korang

Macam biasa, kita nak bercakap dengan orang. Bukan dengan mesin. Jadi ilmu untuk buatkan orang rasa selesa dengan kita sangat la penting. Kalau kerja anda memang perlu face to face dengan pelanggan, duduk tempat macam area Lobby ke contohnya, pastikan pemakaian anda kemas. Senang cerita, mesti pandai bergaya lah. Kalau anda khidmat pelanggan melalui telefon (banyak juga gaji ni kan), pastikan semasa temuduga suara anda jelas. Tone suara anda mesti mesra.

Ketiga pula – Efficiency

Faktor ni lebih kepada macam betapa cepat nya anda bertindak untuk bantu pelanggan.

Yang Terakhir – Problem Solving

Macam biasa, tak ada nya pelanggan nak cakap dengan anda tiba tiba. Diorang pasti nak kan bantuan. Jadi, membantu untuk menyelesaikan masalah pelanggan adalah ‘focus utama anda’.

Berbalik kepada contoh jawapan yang perlu kira reply bila temuduga tanya definisi khidmat pelanggan pada kita...

Contoh jawapan yang baik adalah dengan memberikan 2 maklumat dalam ayat reply anda.

Iaitu,

Maklumat pertama – berikan pengertian customer service serba ringkas

Maklumat kedua – tambahkan ayat reply anda dengan pengalaman atau pun concern anda terhadap kebajikan pelanggan dan **juga tanggungjawab ke atas product syarikat (atau tempat yang anda bekerja), untuk dapatkan lebih sales.**

Contoh seperti di bawah ya:

In my experience, good customer service is always being positive and willing to assist your customers to the best of your ability. I remember one customer in particular, from early in my career, who I spent a tremendous amount of time with, helping to outfit her home office with electronics. She was working with a limited budget, but wanted to start with quality merchandise she could add to as her business grew. She thanked me and took the time to send a note to my supervisor the next day. I don't think I realized until that point how much people appreciate good customer service.

So, apa yang berlaku anda kongsikan apa pengertian customer service serba ringkas, dan tambah dengan pengalaman yang anda ada. Kalau tiada pengalaman? Tak apa, boleh gunakan point macam apa yang customer harapkan.

Ayat ni bagus, bukan sahaja menunjukkan anda tahu akan tugas khidmat pelanggan ni, anda juga macam sudah ada background pengalamannya sikit kan.

Pastikan anda pilih pengalaman yang menonjolkan diri anda sendiri, kalau ada point, kongsikan sahaja 2 point. baru nampak macam experienced sikit. Contoh ni saya ambil daripada [thebalancecareers](#). Mungkin tidak beraeda relate dengan kita di Malaysia, tapi at least kita nampak la pattern ayat nya macam mana.

Sekarang saya nak bagi contoh kedua pula dengan menggunakan point lain iaitu **juga tanggungjawab ke atas product syarikat (atau tempat yang anda bekerja), untuk dapatkan lebih sales.**

So, kita akan bagi definisi khidmat pelanggan serba ringkas dan tambah dengan point nak promote product company/atau pun service department tempat anda bekerja.

Dan contohnya ialah:

Good customer service means having a thorough knowledge of your inventory, experience with your products, and being able to help customers make the best choices for them. When I worked at XYZ, I used to spend a few minutes each month looking at the newest products, to make sure I was fully aware of their performance and could make knowledgeable recommendations to customers.

Hah nampak tak? Ayat ni memang betul betul macam nak jilat penemuduga ni. Haha. Tapi tak apa lah, benda ni bagus kan. Rasanya, reply yang contoh kedua ni lagi bagus sebab ia boleh cerminkan diri kita ni dalam banyak faktor, seperti:

- Rajin buat study akan product company
- Tunjukkan anda ni berpengalaman luas
- Tunjukkan anda boleh bekerja sendiri tanpa perlu di monitor (perasangkan, betapanya job requirement di Jobstreet yang nak pekerja yang tak perlu monitor?)
- Tunjukkan anda ni serious dengan tanggungjawab anda

Ok. Done, kita baru sahaja selesai dengan definisi khidmat pelanggan. Sekarang saya nak turuti apa yang Cik Laila (orang yang bertanya) untuk cara nak hilangkan nervous dan contoh soalan temuduga khidmat pelanggan.

10 Kemungkinan Anda Akan Gagal Temuduga

Get ready adalah kunci yang paling utama anda perlu buat bila nak buat persedian temuduga. Kalau rujuk semula apa yang saya kongsikan di [panduan lengkap temuduga](#), saya ada kongsikan hampir kesemua faktor atau ciri ciri yang anda boleh ambil kira supaya sesi temuduga anda berjalan dengan baik, insyaallah..

Antaranya kalau saya boleh korek korek balik ialah

- cara untuk buat resume yang betul
- contoh soalan temuduga yang biasa di tanya, contoh soalan susah, contoh soalan dan jawapan yang saya boleh fikir dan pernah saya alaminya juga..
- format resume profesional
- cara saya prepare temuduga supaya tak gagap bila cakap
- mindset yang betul bila bercakap...

Hah gitu, dan macam macam lagi lah. Artikel ni bukan nak cover tentang tu, tapi sebaliknya perkara yang mungkin menggagalkan temuduga anda. Kalau nak ikutkan perkara yang saya kongsikan di bawah ni lebih kepada vise versa pada apa yang sepatutnya korang buat di panduan lengkap temuduga lah, tapi saya buatkan juga kita boleh sama sama ingat dan alert dengan benda ni...

Tak proper attire

Walaupun nampak macam nerd, tapi elok la pakai je kemeja dengan seluar slack dan tie untuk laki. Baju kurung untuk perempuan. Pakai je, habis cerita.

Tp ikutkan pada pengalaman dan pemerhatian saya.

Kalau anda pergi temuduga untuk kerja swasta contohnya. Ini untuk level diploma, degree ke atas tau. Pakai jeans pun ok. Asalkan nampak kemas.

Tapi kalau interview dengan badan kerajaan mahupun separa kerajaan macam tnb contohnya, memang kena pakai baju temuduga yang betul betul. Lengkap tie semua

Kalau saya, saya suka pilih baju yang macam striking sikit. Dulu, masa mula mula saya beli baju hitam je, tapi bila dah lama lama tu, rasa macam naik mood dan semangat pula pakai baju yang warna warna sikit.

Terlebih ramah atau terlampau santai sangat

Orang kata macam menagih simpati pun ada. So jangan jangan, rasanya tajuk tu dah cukup jelas. Tak perlu saya huraikan lagi.

Poyo lebih – macam dah layak sangat pula

Ini untuk orang yang terlampau yakin. Kalau tak silap, saya pernah rasa benda ni masa awal awal dulu. Memang rasa yakin sangat yang saya dapat. Lastnya saya tak dapat juga. So jangan rasa yakin sangat, buat la rasa rendah diri dan hormat orang sikit. Sebab nanti kita akan duduk bawah dia, kalau awal awal kita dah menampakkan kereknya, macam mana nak dapat kerja kan.

Kurang bersedia

Ini boleh kata in total lah. Saya ada sediakan satu checklist, checklist ni adalah hasil daripada point point yang saya ambil dari panduan temuduga lengkap tu, jadikan sebagai checklist pula.

Untuk ingatkan korang, takut takut ada benda yang terlepas..

Nanti saya dah jumpa saya link kat dekat bawah ni, mana pula post nya saya lupa...

Anda tak kuasai teknik temuduga dengan betul

Macam marketing lah. Korang perasan tak dengan budak budak yang jual barang barang atau pun apa apa service kat tepi jalan, kat tepi bank semua tu! Perasan tak yang kalau diorang ni cakap, mesti ada je ayat yang diorang ni balas? Tanya tu lah tanya ini lah.

Apa yang diorang tanya tu, actually semuanya adalah dialog yang sudah dihafal tau. Kitanya, bila diorang training, diorang dah biasa dah dengan reply reply macam tu. Jadi memang diorang dah cuba fikir dan plan cara reply yang terbaik supaya awak masih lagi beli.

Sebenarnya saya pun dikalangan mereka ni dulu, masa tu tahun 2011 kot. Lepas 1 atau 2 tahun habis study dari universiti malaysia pahang. Itu sebab saya tahu..

So, motifnya kat sini ialah, cuba praktis kan teknik cara cakap, teknik cara reply yang betul. Teknik yang kalao orang dengar tu sedap je, nampak meyakinkan je. Ini la yang orang nak..

Terlalu kuat sangat segannya

Ini pun satu hal juga. Rasanya korang pun perasan kan, bila korang terlampau sangat segan, terlampau sangat gabra, benda ni akan buatkan apa yang korang cakap tu tak berapa menjadi.

Bila gabra, korang tak dapat fikir dengan baik, bila tak dapat fikir dengan baik, confirm reply soalan temuduga yang pelek pelek..

Bila segan, hasrat dihati untuk menonjol pun jadi mcm kura kura je. Sangat rugi lah kalau ada dua sifat ni. So cuba lawan k

Untuk yang baru, fresh graduate, benda ni normal. Saya pun dulu macam ni. Malahan, saya graduate 2009..

G temuduga 2010

2011

2012

2013

2014 – hah sini lah..

2014, lepas beberapa tahun saya graduate baru saya rasakan yang saya ni betul betul yakin dan dapat halang sifat gabra tu sebanyak 80%. Gamaknya lah.. Benda ni, masih lagi ada, normal. Tapi at least saya berjaya lawan dan tak gabra sangat..

Segan? Segan ni kejap je saya deal. Dah tak segan pun..

So macam mana nak build up mindset supaya tak segan dan tak gabra?

Ada 3 benda kena buat

- kena biasakan pergi temuduga – bermakna, awak baca blog saya share ni, bukannya confirm 1st interview terus dapat ya. Benda ni perlukan masa.. Apa yang penting, tiap kali pergi, cuba renung renung, apa yang korang boleh bg buat supaya next interview ia akan jadi lebih baik..
- follow apa yang saya suruh di panduan lengkap temuduga, antara bahagian yang paling penting ialah anda praktis dialog seperti bercakap dengan penemuduga ni sekurang kurangnya 3 hari berturut turut sebelum pergi interview. Benda ni memang sangat power lah, saya memang buat ni selalu..
- ada mindset yang betul, saya ada kupas mengenai mindset ni di sini, [cara nak deal dengan gabra semasa temuduga](#)

Emotional, merayu

Jelas kan? Jangan buat muka kesian sangat. Orang nak output, nak kualiti, bukan badan kebajikan.

Tak nampak meyakinkan

Cakap la macam cerdik sikit

Petah la bersuara sikit

Tampak kan la keyakinan sikit

Baru dapat..kalau buat pangai mcm ubi memang sikit nak dapat...

Burukkan company yang sebelum nya, atau buruk kan siapa siapa.

Yang ni pernah jadi kat saya sebelum ni, pengalaman temuduga yang paling latest di [osram sdn bhd](#)

Gaji tinggi sangat letak

Dalam resume tak perlu letak gaji. Kalau masa datang interview, ada ruangan gaji awak letak la dalam 30% ke atas gitu. Atau pun minta naik rm 500. Kalau diploma, kalau engineer mungkin lebih tinggi lagi pun leh dapat.

CHECKINI UNTUK PERSEDIAAN TEMUDUGA ANDA

Checklist ini saya sediakan untuk mudahkan anda persiapkan diri untuk temuduga hasil daripada artikel dan video yang saya kongsikan dalam SayaShare ni.

Disebabkan ada isi kandungan dalam blog ni yang anda mungkin rasa berselerak atau pun tak pasti mana satu yang anda patut baca dahulu, elok lah saya buatkan checklist ini untuk

mudahkan anda follow step satu demi satu.

Penyediaan Resume

Untuk dalam peringkat ini, anda mungkin dalam proses peringkat awal untuk cari kerja. Tak kesah lah level SPM, Diploma atau Ijazah Sarjana Muda sekali pun. Mahupun yang sudah ada pengalaman. Anda mesti akan sediakan atau kemas kini resume untuk apply kerja baru.

Dan ini adalah tindakan yang anda perlu ambil tahu sebelum buat mana mana resume.

mesti tau [cara tulis resume yang betul](#)

[cover letter](#) pun kena pandai tulis juga ([artikel 1](#), [artikel 2](#))

baca [10 cara apply kerja](#) yang mujarab

[cara follow up resume](#) yang dihantar

mesti [buat resume guna premium](#) resume template

Sebelum Pangilan Temuduga

Untuk situasi ini, katakan anda sudah dapat panggilan temuduga. Tak kesah lah daripada mana mana [cara dapatkan kerja yang 10](#) ini pun. Yang penting anda sudah dapat panggilan temuduga. Dan persediaan yang anda harus buat ialah:

baca [contoh soalan lazim temuduga](#)

baca [cara memperkenalkan diri semasa temuduga](#)

[praktis dialog](#) temuduga sekurang kurangnya 3 hari

get ready dengan soalan susah semasa temuduga

[proper attire](#) siap (tie, baju kurang, kasut, stoking)

document yang hendak di bawa

Hari Sebelum Temuduga

So, anda belajar sediakan resume pun sudah. Buat persediaan untuk panggilan temuduga pun sudah. Sekarang tiba masa untuk hari temuduga itu sendiri.

Kiranya, katakan temuduga tu dalam pukul 10 pagi contohnya, apa persedian yang anda perlu buat 2 jam lebih awal sebelum sesi temuduga berlangsung.

Datang awal

Praktis dialog dalam hati

Jangan lari

Korang Share – Saya Jawab 2 Soalan

Hi,

Assalam,

Sebelum saya perkenalkan diri, saya ingin ucapkan terima kasih sebab blog en. banyak bagi informasi yang bagus kepada “jobs hunter” seperti saya dan sangat menarik. Hargai pengorbanan en. dalam membantu orang lagi-lagi bangsa sendiri.

Saya Farah lepasan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Polimer yang lebih meliputi kepada industri, kajian dan pembuatan getah, plastik dan chemical.

Saya tamat pengajian pada Ogos 2018 dan sampai sekarang saya tidak dapat apa-apa panggilan dari mana-mana syarikat dan juga jobstreet. Dan sementara ini saya bekerja separuh masa.

Bidang polimer banyak operasi di belah utara seperti Penang dan Kedah, serta kawasan Shah Alam dan Johor Bahru.

Jadi engineer, researcher, manager, atau executive antara jawatan yang saya mohon namun saya tak berapa kisah dengan jawatan asalkan dapat kerja dan pengalaman.

Saya baru sedar mungkin teknik saya salah dan saya percaya masih ada peluang lagi. Jadi saya berharap en. dapat bantu.

Saya sertakan beberapa soalan yang saya masih -ragu lagi. Harap en. dapat memberi maklum balas

Kalau objektif di dalam resume contoh seperti “seeking for any position that suitable with my certification and experience” adakah relevan atau menampakkan kita tidak professional dan kurang info tentang syarikat itu?

Ini saya dapat informasi orang luar menyatakan susah untuk dapat kerja jika alamat kita jauh dari tempat yang dipohon. Contoh alamat rumah Kuantan dan mohon kerja di Johor kebarangkalian untuk dipanggil adalah rendah. Benar atau tidak ?

Kerjasama en. amatlah dihargai dan semoga diberi ganjaran oleh Allah S.W.T..

Dan saya jawab...

Sebelum tu, maaf la saya tak berapa arif akan bab polimer ni. Harap farah ada rezeki kat mana mana sahaja farah ada. Bila saya cakap rezeki tak semestinya bab duit, bab pekerjaan. insyaAllah hal hal lain seperti suami dan zuriat dan keturunan yang baik.

Dan soalan pertama, pasal objektif. Ok ke tak? Atau relevant ke tak seperti apa yang farah tanya. Dalam video yang saya kongsikan memang ada topik ni. Memang saya ada bagi tahu, lebih baik kongsikan summary pengalaman awak berbanding dengan ayat ayat tradisional macam tu.

Ayat ayat yang macam start dengan seeking lah apa ni, nak kata salah atau tak. Saya pun tak pasti, tapi yang saya pasti dan yakin. Ayat ni terlampau traditional. Semua orang buat. Dari cikgu, sampai ke lecturer sampai ke contoh contoh resume online semua guna starting atau format atau cara tulis yang sama. Bila dah terlampau banyak berlaku, dan la ayat tu memang boring. Lagi pula ramai orang duk copy copy, lagi lah jadi boring.

So sangat lah elok untuk anda tukar dan tweak sikit kepada sesuatu yang lebih baik dan lebih meyakinkan untuk dibaca. Jum kita tengok bezanya..

Ayat Traditional Objektif

Seeking to fill a job position in the Customer Service sector. A very notorious capacity to quickly handle requests and complaints from the customers.

Seperti yang anda lihat, contoh ayat objektive di atas, tak lain tak bukan adalah untuk anda masuk dalam bakul dan angkat sendiri. Versi yang lebih baik ialah, anda kongsikan result atau pengalaman.

Seperti contoh

Cara Tulis Objektif – eh salah ni..

Cara Tulis Job Summary, kiranya kita tukar bahagian objektive ni kepada summary..

I have almost 7 years experieced in semicon industry. Starts from 2 years in wafer facbrication as proces technician, 3

years in assembly line. And almost 2 years in bare wafer production.

Untuk mana yang tak jelas akan bidang semicon. Kilang kilang yang korang tengok tu, kiranya yang nak buat microchip. Kilang tu, bukannya merangkumi 3 area yang saya maksudkan di atas.

Sebab semicon start dengan bare wafer production, kiranya siapkan satu piring nipis yang dijadikan macam cermin, lepas tu masuk ke process wafer farication untuk buat pattern atau litar atas piring tadi atau kami panggil wafer. Lepas tu, baru dihantar ke assembly line. Assembli line, diorang akan potong potong wafer tadi, yang saiz dalam besar pinggan kepada kepingan kecil. Lebih kurang dalam 8 ribu unit. Ibarat macam besar semut. Lepas tu, baru lah diorang di bahagian assembly line ni juga akan dipasangkan kaki yang kita tengok ada yang 6 kaki semua tu.

Ketiga tiga process ni memang jarang sangat la orang dapat merasa kerja semua sektor. Tapi alhamdullillah saya dapat, so saya jadikan bukti yang membanggakan ni sebagai saya punya job summary. OK?

Sorry sebab panjang sangat.

Jum saya jawab soalan no 2 pula

Ini saya dapat informasi orang luar menyatakan susah untuk dapat kerja jika alamat kita jauh dari tempat yang dipohon. Contoh alamat rumah Kuantan dan mohon kerja di Johor kebarangkalian untuk dipanggil adalah rendah. Benar atau tidak ?

Jawapannya betul..

Memang mana mana company terutamanya kilang kilang macam saya ni. Bila diorang cari pekerja ada beberapa faktor yang buatkan diorang akan ambil, dan faktor ni memang ada antara nya bukan dalam kawalan dan kemampuan kita untuk berikan pun.

Antaranya

Bangsa apa – macam kilang saya kerja ni, ada sorang melayu member saya ni memang dah cukup power dah buat kerja. Tapi bos tetap tak ambil, sebab melayu da ramai. Nanti nak cover time raya tak ada orang pula. So bos akan ambil bangsa lain

Pengalaman – ini normal

Friendly dan meyakinkan. Kiranya bila korang datang temuduga tu. Sifat korang yang mesra, friendly, senang di bawa sembang. Dan faktor faktor gini lah kadang kadang akan bantu kita dapat kerja juga.

Background – untuk level fresh graduate, mungkin diorang tengok la awal awal. Awak grad dari mana, berapa pointer. Tapi bila dah lama lama. Diorang tak tengok pun, lebih kepada nak tau apa pengalaman dan apa yang korang buat

Dan no 5, **tempat tinggal tadi** tu.

Mungkin ada lagi, tapi saya nak stop sampai 5 perkara sahaja.

Masa saya temuduga TNB di Manjung dulu. Saya memang ada macam kencing sikit, letak alamat rumah pakcik yang memang tinggal di setiawan nun. Tujuannya, supaya TNB nampak dekat..

Tapi tak semestinya juga, faktor macam kedudukan ni mungkin tak sekuat akan pengalaman yang anda ada.

Kalau korang boleh buat kerja, pengalaman power, kenapa tak diorang akan ambil juga kan?

Bila saya apply kerja jauh macam Kulim ni dulu. (sebelum ni saya kerja di Ipoh). Saya ada bagi tahu yang saya ni tiada masalah untuk travel. Kiranya korang tambah kan juga faktor faktor kuat untuk bagi tahu yang korang ni nak sangat bekerja tempat lain.

Contoh ayat macam..

Saya nak belajar culture orang lain ke

Saya nak belajar berdikari ke..

Apa apa lah.

Contoh macam saya dulu, saya buat ayat. Saya nak bekerja dengan company yang lebih besar. Lebih tersusun macam sekarang ni.

Hah gitu... ada apa apa lagi tak?

Anda kena buat lebih baik dari orang lain..



Kalau cara kita tulis, cara kita buat objektif, cara kita cakap. Cara kita present. Cara kita terangkan permasalahan cara kita elaborate masalah dalam temuduga, semuanya sama dengan orang lain.

Macam mana kita nak buktikan yang kita ni lebih baik dari orang lain kan..

Cara Nak Deal Gabra Masa Temuduga

Bila saya datang temuduga, tak kesah la yang open ke yang dipanggil ke, yang ada notice dari Jobstreet ke. Benda yang paling saya gabra/takut/leceh/benci ialah QUIZZZZZ...

Temuduga, saya rasa macam boleh handle lagi. Gabra sikit sikit tu biasa lah, tapi masih lagi tak merisaukan sangat sangat lah. Kalau takat soalan gitu gitu, gini gini InsyaAllah boleh lah. Berkas usaha dan prepare kita kan. Tapi quiz..adoi..

Quiz ni, memang soalan nya sikit tau. Dan kadang kadang soalan dia tak susah mana pun. Cuma bila sampai soalan masalah tu yang saya lemah betul. Soalan temuduga, sebenarnya kita dah boleh agak dah. Even saya sendiri ada list pelbagai soalan soalan lazim yang ada dalam blog ni.

Pergi dekat search box atas, dan buat carian ‘soalan temuduga’ macam bawah ni..

The screenshot shows a blog post titled "Contoh Soalan Temuduga Untuk Fresh Graduate" by Syed Shaff. The post discusses common interview questions for fresh graduates and includes a sample question about general knowledge. The post has 119 views and a "Read More" link.

InsyaAllah, rasanya dah sehabis baik dah soalan soalan yang saya kumpul kan tu. Oh ya, insyaAllah dalam masa terdekat, saya tengah kumpul kan sepenuh nya soalan yang pernah di tanya dan kemungkinan di tanya sebelum sebelum ni. Nanti kan ya...

Tapi quiz? Quiz payah sikit.. saya ada sediakan artikel khas untuk jawap soalan quiz ni. Nanti saya update kat artikel ni..

Untuk sekarang, saya nak kongsikan cara, bagaimana nak deal dengan perasaan gabra bila pergi temuduga..alright?

Start Dengan Mindset Yang Betul

Saya sendiri, kalau ada company yang nak cari pekerja tapi tak perlu temuduga, tak perlu susah payah dari jauh untuk buat temuduga dengan Engineer, lepas tu dipanggil lagi untuk temuduga dengan HR untuk gaji dapat berapa semua. Hanya bagi nama, dan esok boleh start kerja!!

SAYA MEMANG TAKNAK. Hah gitu..

Nampak tak bongkaknya di situ..

Sebab apa tak nak? Sebab OBJECTIVE temuduga tu jelas. Kita datang temuduga untuk apa sebenarnya? Sudah semestinya untuk kenal company tu dengan lebih baik.

Contoh nya

Kerja nya buat macam mana

Shift pattern nya macam mana

Benefit company tu apa

Elaun dapat berapa

Bonus berapa

Yang semua semua ini lah. Tapi kalau kita tak pergi temuduga MACAM MANA NAK TAHU?

Tanya kawan??? OK OK tanya kawan pun boleh. Memang antara 2 faktor utama anda dan saya sendiri kerja dekat satu satut company berdasarkan 2 faktor ni.

Satu kawan yang ajak, kiranya kawan duk provok habis lah

company ni bagus. Baru lah kita nak kerja kan. Dan lagi satu ialah TEMUDUGA. Jadi kita kena jelas, konsep dan objective temuduga tu tujuannya adalah untuk kenal macam mana la suasana kerja yang kita dapat nanti.

Ada satu kali tu, saya pernah dipanggil temuduga untuk satu syarikat contractor kepada syarikat GLC kerajaan. Memang best la company ni, besar. Tapi masuk masuk je bilik temuduga. Dia cakap, gaji yang saya akan dapat ialah RM 1 400. No OT katanya.

AIK? Saya pun dah pelek. Tak akan bagi RM 1 400 je. Nak makan macam mana.

Duk penang, sewa dah berapa. Makan pasir? Lantas, saya pun cakap, tak pe lah. Lain kali je lah. So saya pun beredar dari bilik temuduga. Padahal orang lain datang siap present kat whiteboard bagai. Time saya, kejap je. Sebab memang langsung tak rasional untuk saya terima.

Abang dengan kawan saya cakap, tak apa kau ambik je. Biasa lah tu dia provoke hang. Ada OT punya. Boleh hidup punya.. erm macam mana lah saya nak harap kan ura ura macam tu, kalau penemuduga sendiri cakap, MEMANG TIADA OT. Gaji saya RM 1 400 tambah elaun dalam RM 150 je. Masa tu, saya kerja di Ipoh, basic plus ot dan biasa RM 2 500. Sekarang ni nak hidup dekat negeri orang dengan RM 1 400 pula.

So summary nya, saya tak akan tahu benda ni kalau tak ada temuduga. Bayangkan saya terus terima dan hamik hidup kat penang dengan RM 1 400!! Naya tu... Betul kan mindset korang semua. InsyaAllah tak berapa nak gab gab gab sangat.

Be Prepared

Ikutkan pada cara saya kan. Bila dah nak dekat hari temuduga ni..

Saya akan buat step step di bawah..

- Get ready dengan semua soalan lazim
- Saya akan praktise secara dialog setiap soalan lazim tersebut dan cuba reply jawapan seolah olah sesi temuduga sedang berlaku selama sekurang kurang 3 hari berturut..

3 hari yang saya maksudkan bukan tima malam sahaja tau. Sebaliknya, pagi, tengah hari, petang, malam..

Atau pun, korang boleh buat pagi dan malam. Tapi saya sangat galakkan tengah hari atau petang tu..korang maintain benda ni 3 hari insyaAllah akan lebih petah bersuara nanti. Dapat lagi lama lagi power... tiap kali lepas sembahyang, jangan lupa doa juga.

Bila dah sampai temuduga, saya suka kalau saya tolak awal dari yang biasa. Supaya dalam perjalanan, saya boleh berhenti di mana mana masjid, tunai solat 2 rakaat ke apa. Doa minta saya ni tenang bila menjawab.

INGAT, ORANG YANG BERUSAHA, ALLAH TAK AKAN BALAS DENGAN FAILURE

Kalau tak dapat juga, bukan bermaksud anda gagal. InsyaAllah Allah lebih sayangkan kita yang mungkin bukan situ tempat kita cari rezeki.

InsyaAllah juga Allah ada bekalkan rezeki yang lebih baik untuk kita.

Oh ya, ayat merah tu bukannya petikan alquran atau hadis ke apa. Apatah lagi kalau keramat orang orang hebat yang berfilosofi. Saja saya reka jap ni. Tapi betul kan?

So itu dia.

Praktise

praktise

praktise

InsyaAllah, korang akan lebih power punya..

Bila korang practise dialog ni kan, memang serious akan bantu punya lah. Memang la nampak macam orang gila sebab cakap sorang sorang... tapi memang power rangers kalau try ni..

Sebab practise dialog ni bantu dari segala faktor, contoh macam:

1. Kelancaran korang bercakap
2. Korang juga akan secara tak langsung cakap tak laju sangat, so tak kalut
3. Jawapan da ada dalam kepala, so nampak la lebih petah bertutur
4. Ada planning dan sebagainya lah..

Sentiasa Berfikiran Positive

Korang kalau fikir sendiri, sebenarnya tiada apa pun nak ditakutkan. Betul tak? Dia bukannya makan kita pun. Memang tak ada apa yang nak ditakutkan pun. Serupa macam kita tiba tiba ada orang jatuh tengah jalan. Apa kita rasa? Tak ada pun rasa apa, rasa kesian lagi ada. Kalau nak gelak takut sendiri pula kena kan. So rilek je pun. Tapi kalau kita ditempat dia yang jatuh? Malu bukan kepalang kan.

So boleh la jatuh di tempat public dengan selamba.

Sebab tiada apa yang dimalu dan ditakutkan pun. Orang keliling rilek je, kau pula nak menggelabah..

Cuba Jadi Diri Sendiri

Memang la bila temuduga ni kita nak nampak diri kita power kan. Tapi jangan lebih sangat, cuba jadi diri sendiri..

Jangan Buat Dosa

Ini kawan saya sendiri buat, orang duk kalut nak temuduga, dia

duk komplen orang lalu lalang pula. Lastnya dia tak dapat, saya yang dapat. Kah kah

Tapi saya pun join juga ngumpat dia hari tu. Adoi, tapi alhamdullillah, Allah kurniakan juga rezeki ni...

Sejauh Mana Maklumat COMPANY Yg Kita Perlu Tahu Semasa Temuduga

ScreenHunter

anis shazwani March 2, 2018 at 2:03 pm [Edit](#)

saya dapat call tadi untuk interview esok dekat RMS consultancy shah alam and page ni memang berguna sangat untuk saya tapi saya belum prepare apa apa lagi. saya ada cari tadi pasal rms consultancy tapi tak jumpa 😕 apa saya nak jawab esok? 😕

[Reply](#)

 ★ Syed Shaff March 5, 2018 at 2:14 pm [Edit](#)

yang ni ke? <https://www.jobstreet.com.my/en/companies/832474-rms-consultancy-agency>

adoi..sori ler..sy reply lambat pula ni...

kalau urgent urgent minta email saya terus ya..insyaAllah saya akan lebih alert sikit..maaf...so sekrang dah 5hb..apa citer?

[Reply](#)

Sebelum mula, saya minta sorry kat Anis Shazwani yang tinggalkan kat komen, tapi saya reply lambat. Benda urgent ni... Sebenarnya, bukan Anis je, banyak lagi yang saya lambat reply dan ada yang tak reply reply pun.

Saya pun dah tau email tu kat mana, sebab berada di bawah punya bawah punya bawah sana nun..

Sebab tak reply?

Erm..sebab salah saya sendiri kot..malas dah nak cari alasan lain..

Hari tu, ada orang tanya, cara nak reply apakah sumbangan yang anda boleh bagi pada syarikat pun saya tak setelkan lagi artikel nya..

Update – DONE > ini dia artikel [cara nak jawab sumbangan yang boleh bagi pada syarikat](#)

InsyaAllah saya akan usaha lebih lagi untuk pelawat pelawat blog ni ya...

Ok, so untuk menjawab soalan Cik Anis ni ialah... Tak perlu kalut mana pun..

Awak tau sikit sikit pun sudah cukup.

Maksud saya, contoh lah katakan ianya adalah kilang semicon.

So tau benda benda macam bawah ni pun dah cukup..

1. Apa nama company – issih mesti le ye dak
2. Apa produk yang company ini keluarkan
3. Preview asas proses bagaimana produk yang dikeluarkan tadi di hasilkan. Maksud saya, dari raw material tu, sampai ke product yang dah siap..apa proses nya. Tak perlu detail sangat, roughly pun sudah cukup. Ada je kat tenet..
4. Berapa jumlah pekerja
5. Berapa banyak cawangan ada...

Korang pun tambah lagi sikit ayat ayat macam, perkara yang buatkan korang suka dengan company tu..hah gitu..

Macam saya pernah di tanya sebelum ni, **kenapa awak nak kerja company ni?**

Saya jawab lah, sebab shift pattern dan juga sebab saya tengok ranking dunia, company ni berada di sepuluh yang ke atas. So saya nak kerja dengan company yang dah establish supaya lebih banyak benda yang saya belajar.. dan sistem pengurusan pun akan jadi lebih baik

Lepas tu, katakan dia tanya. Aik? Company kecil lagi banyak yagn awak boleh belajar..

So saya boleh lah jawab, 2 kilang saya yang sebelum ni dah memang kecik pun bos..

So lagi sekali saya ulang, untuk pengalaman saya yang sudah. Tak perlu pun pengetahuan yang macam nak bukak sendiri cawangan baru untuk kilang tu pengetahuan nya. Simple mimple pimple pun dah cukup..

Tapi...

Tapi..

Hah ada tapi nya..

Soalan soalan simple mimple pimple ni hanya untuk company swasta sahaja..

Untuk company gov atau badan kerajaan, atau separuh kerajaan, GLC ke apa. Korang kena detail sikit.

Dan antara yang paling kerap di tanya..

Siapa presiden nya..

Siapa director yang paling atas sekali...apa nama dia..

Benda sengal ni memang diorang nak kita tahu..

Ini satu artikel khas yang saya buat untuk [Contoh Soalan Temuduga Kerajaan](#), saya rasa cukup power dah ni...Korang boleh rujuk sana...

Macam saya datang temuduga untuk TNB dulu.. kalut nak kena tau nama orang tua tu buat apa ntah lah... dan proses detail cara produk di proses pun kena tahu lebih detail sikit. Hari tu, TNB siap suruh kami lukis kat whiteboard proses produk di hasilkan..

Oh ya..point terakhir.. Antara perkara yang si penemuduga suka untuk kita tahu, dan bagi tahu dia yang kita ni tahu ialah **perkembangan syarikat..**

Faham ke dak tu..

Tapi itu lah, perkembangan syarikat, apa yang syarikat plan sekarang. Sama ada expansion ke, nak tambah pekerja ke, nak tambah produk baru ke. Biasanya, maklumat ini kita akan mudah dapat di website mereka. Atau pun headline press release. Headline press release ni korang cuba buat carian di Google.

Seperti contoh:

Company A + expansion

Company A + new mission/building

Seperti contoh, apa yang berlaku sekarang. Antara kilang semicon yang sedang mengembangkan capacity nya ialah Osram, Infenion, [Rohm Wako Kelantan](#) nun..

Benda benda positif macam ni, kalau kita tahu dan bagi tahu dia yang kita tau, menampakkan kita ni macam betul betul teruja dengan syarikat tersebut.

